



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PEMBANTU TEKNIK**

***MEKANIKAL***

**KOD : PTM02**

**SUBJEK : PENGURUSAN WOKSYOP**

**TARIKH : 27 APRIL 2009**

**MASA : 2.00 PTG - 5.00 PTG**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.**
2. **Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.**
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.**
4. **Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.**
5. **Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.**
6. **Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.**
7. **Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.**
8. **Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.**
9. **Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.**
10. **Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.**
11. **Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.**
12. **Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.**
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang menasabah.**
14. **Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.**

**PERKARA : PTM02 – PENGURUSAN WOKSYOP**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan**

**SOALAN 1**

- a) Di dalam operasi sesebuah woksyop, merancang kerja adalah penting di dalam melaksanakan sesuatu tugas. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira semasa merancang bagi kerja-kerja pembaikan sesebuah kenderaan:
- i) Kebolehdapatan tenaga kerja
  - ii) Kebolehdapatan peralatan
  - iii) Beban tugas
  - iv) Analisa data sejarah penyelenggaraan

Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan perkara i hingga iv tersebut.

*(8 markah)*

- b) Keberkesanan sesebuah woksyop bergantung kepada beberapa faktor. Satu daripadanya ialah pengagihan tugas bagi setiap kakitangan di dalam woksyop tersebut.

Huraikan **dua (2)** tugas dan tanggungjawab bagi setiap jawatan berikut:

- i) Pengurus Woksyop
- ii) Fomen
- iii) Operator mesin

*(12 markah)*

SOALAN 2

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan penyenggaraan mencegah?  
(2 markah)
- b) Terangkan **tiga (3)** kepentingan penyenggaraan mencegah dijalankan pada setiap mesin/jentera.  
(6 markah)
- c) Keselamatan di dalam woksyp dikelaskan kepada tiga (3) kategori:
- i) Keselamatan diri sendiri
  - ii) Keselamatan semasa menggunakan peralatan dan mesin
  - iii) Keselamatan tempat kerja

Huraikan **dua (2)** tindakan yang perlu diambil bagi tiap-tiap kategori di atas bagi menentukan keselamatan pekerja adalah terjamin.

(12 markah)

SOALAN 3

- a) Senaraikan **empat (4)** faktor yang perlu diambilkira ketika merancang kerja penyenggaraan.  
(4 markah)
- b) Terangkan **dua (2)** fakta berkenaan bagi tiap-tiap jenis penyenggaraan berikut:
- i) Penyenggaraan penutupan (*shutdown maintenance*)
  - ii) Penyenggaraan kerosakan (*breakdown maintenance*)

(8 markah)

**SOALAN 3 (sambungan)**

- c) Sebagai Penyelia Woksyop anda perlu mengenalpasti kos-kos penyenggaraan yang terlibat. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan kos-kos di bawah ini dan berikan contoh untuk setiap satunya.
- i) Kos langsung (*direct cost*)
  - ii) Kos tidak langsung (*indirect cost*)

(8 markah)

**SOALAN 4**

- a) Nyatakan empat (4) unit kerja yang biasa terdapat di Bahagian Stor Woksyop JKR
- b) Di dalam tatacara pengurusan stok, apakah yang dimaksudkan dengan istilah berikut:
- i) Masuk dahulu keluar dahulu (*First in-First out*)
  - ii) Angka menokok stok
  - iii) *Bin card*
- c) Anda sebagai Pengurus Woksyop mendapati keadaan woksyop anda tidak mempunyai sistem pengudaraan dan sistem pencegah kebakaran yang mencukupi. Huraikan dengan ringkas kesan daripada kekurangan tersebut.

(4 markah)

(6 markah)

(10 markah)

SOALAN 5

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan kategori perolehan kerajaan berikut:
- i) Perolehan kerja
  - ii) Perolehan bekalan
  - iii) Perolehan perunding

(6 markah)

- b) Anda diarah untuk melaksanakan projek penyediaan *testing vehicle line* yang mana kos dianggarkan RM 1.2 juta. Terangkan prosedur perolehan yang perlu dilaksanakan.

(14 markah)

SOALAN 6

- a) Apakah syarat-syarat bagi perolehan secara Pembelian Terus?

(4 markah)

- b) Apakah yang dimaksudkan dengan perolehan daripada:

- i) Kontrak pusat
- ii) Pengedar sah (*authorised dealer*)

(4 markah)

- c) Anda ditugaskan untuk membuat pembelian alat ganti jentera berat dianggarkan berjumlah RM 150,000.00. Terangkan prosedur perolehan yang perlu dilaksanakan.

(12 markah)

SOALAN 7

- a) Nyatakan lima (5) bahagian utama woksyop kerajaan.

(5 markah)

- b) Terangkan secara ringkas fungsi bahagian-bahagian tersebut.

(15 markah)

SOALAN 8

Sebuah woksyop yang mengamalkan penyerapan kos pasti (*overhead cost absorption*), mempunyai tiga (3) pusat kos dengan maklumat seperti berikut:

Pusat Kos	Bil. Pekerja	Luas Lantai
A	6	8 m <sup>2</sup>
B	10	20 m <sup>2</sup>
C	4	12 m <sup>2</sup>

Dalam satu bulan, jumlah bil air ialah RM 50.00 dan jumlah bil elektrik (hanya lampu sahaja) adalah RM 150.00.

Kirakan kos yang perlu dikenakan kepada setiap pusat kos jika kriteria berikut digunakan:

- a) Untuk bil air, kos dibahagikan berdasarkan bilangan pekerja di setiap pusat kos.

(10 markah)

- b) Untuk bil elektrik, kos dibahagikan mengikut keluasan lantai.

(10 markah)

SOALAN 9

a) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan:

- i) Inventori
- ii) Harta modal

(4 markah)

b) Kos adalah jumlah perbelanjaan yang terpaksa ditanggung untuk memperolehi sesuatu barangan atau kerja-kerja pada suatu peringkat. Sebutkan lima (5) contoh jenis-jenis kos.

(10 markah)

c) Apakah kriteria barang-barang yang boleh dilupuskan tanpa perlu mendapat kelulusan Lembaga Pemeriksa?

(6 markah)

SOALAN 10

a) Terangkan maksud sepenuhnya spesifikasi tayar sebuah kenderaan seperti berikut:

185/60 VR 14

(10 markah)

b) Pemanduan kenderaan akan lebih selamat dan selesa apabila tayar sentiasa berkeadaan baik. Terangkan kesan yang akan terjadi apabila tayar:

- i) Lebih tekanan udara
- ii) Kurang tekanan udara

(4 markah)



**SOALAN 10 (sambungan)**

- c) Terdapat tiga (3) asas binaan tayar yang lazim bergantung kepada susunan lapis binaannya iaitu:
- i) Lapis bulatan serong
  - ii) Lapis bulatan serong dan lintang
  - iii) Lapis bulatan radial

Sila lakarkan **ketiga-tiga** binaan tayar jenis di atas.

(6 markah)

\*\*\*\*\*